



KERAJAAN MALAYSIA

Pelaksanaan Pre-Approved Plan (PAP)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK1.11	PELAKSANAAN <i>PRE-APPROVED PLAN</i> (PAP)	1
1.	Pendahuluan	1
2.	Kelebihan PAP	1
3.	Ciri- ciri PAP	1
4.	Mekanisme Pelaksanaan PAP	2
5.	Peranan Pegawai Pengawal Sebelum Pelaksanaan Projek PAP	2
6.	Rujukan	3
7.	Tarikh Kuat Kuasa	3

PK1.11 PELAKSANAAN *PRE-APPROVED PLAN* (PAP)

1. Pendahuluan

1.1. *Pre-Approved Plan* (PAP) ialah reka bentuk bangunan yang tersedia dan lengkap dengan input seni bina, struktur, mekanikal, elektrik dan ukur bahan yang menepati keperluan teknikal dan perundangan Kerajaan iaitu Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Pelaksanaan PAP hendaklah menggunakan kaedah *Industrialised Building System* (IBS).

2. Kelebihan PAP

- 2.1. Memendekkan masa bagi proses perancangan dan reka bentuk iaitu di antara enam (6) hingga sembilan (9) bulan.
- 2.2. Memberi pilihan dan alternatif reka bentuk bangunan yang telah tersedia.
- 2.3. Mengurangkan kos pelaksanaan projek melalui penjimatan kos perkhidmatan perunding.
- 2.4. Agensi teknikal dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber manusia dan mengoptimumkan sumber dalam pelaksanaan projek lain.
- 2.5. Menjimatkan kos pelaksanaan projek kerana pelaksanaan reka bentuk PAP adalah menggunakan kepakaran dalaman (*in house*) oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).
- 2.6. Menepati keperluan ruang bangunan kerajaan berdasarkan Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos.
- 2.7. Reka bentuk bangunan PAP yang telah disediakan akan memastikan kualiti melalui reka bentuk yang optima, berfungsi dan sejajar dengan penambahbaikan yang berterusan.

3. Ciri- ciri PAP

- 3.1. Menggunakan dimensi modular dan menepati Malaysian Standard MS1064: 2001.

- 3.2. Menepati keperluan ruang bangunan selaras dengan Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos.
- 3.3. Menggunakan kaedah pembinaan *Industrialised Building System* (IBS) selaras dengan Manual for IBS Content Scoring System (IBS Score) CIS 18: 2018 atau terkini.
- 3.4. Menerapkan reka bentuk lestari melalui pencahayaan dan pengudaraan semulajadi serta penggunaan bahan binaan lestari.

Selaras dengan pematuhan kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan Piawaian Malaysia (MS 1184: *Universal Design And Accessibility In The Built Environment – Code of Practice*).

4. Mekanisme Pelaksanaan PAP

- 4.1. Semua agensi hendaklah menggunakan PAP sama ada pelaksanaan oleh Jabatan Teknik melalui AP182 atau projek yang diberikan pengecualian di bawah AP182. Syarat ini adalah mandatori untuk dipatuhi oleh semua agensi.
- 4.2. Semua projek yang menggunakan reka bentuk PAP hendaklah diserahkan dan dilaksanakan oleh Jabatan Teknikal (JKR dan JPS). Agensi tidak dibenarkan untuk melaksanakan sendiri dan perlu mendapatkan perkhidmatan Jabatan Teknikal (JKR dan JPS) dalam melaksanakan projek.
- 4.3. Agensi hendaklah mendapatkan maklumat asas reka bentuk daripada katalog PAP dan manual pengguna PAP serta membuat permohonan di laman web JKR melalui capaian <http://pap.jkr.gov.my>.
- 4.4. Pengecualian daripada melaksanakan kaedah PAP hendaklah dipohon melalui Pegawai Pengawal untuk mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) sebelum pelawaan perolehan kerja dibuat.

5. Peranan Pegawai Pengawal Sebelum Pelaksanaan Projek PAP

- 5.1. Menyediakan keperluan brif projek fizikal bangunan mengikut senarai kategori reka bentuk bangunan PAP dengan merujuk kepada katalog yang telah disediakan oleh JKR.

- 5.2. Memastikan peruntukan mencukupi dan projek tersenarai dalam Bajet Persekutuan pada tahun berkenaan.
- 5.3. Memastikan lukisan PAP digunakan sepenuhnya bagi projek yang menepati kategori reka bentuk PAP dan syarat-syarat senarai semak seperti di katalog PAP.
- 5.4. Sekiranya terdapat perubahan projek atau masalah teknikal, Pegawai Pengawal hendaklah menghubungi Jabatan Teknikal (JKR dan Jabatan Pengairan Saliran (JPS)).

6. Rujukan

- 6.1 Sekiranya terdapat pertanyaan berkaitan dengan pekeliling ini, Agensi boleh merujuk:

Pengarah Kanan
Cawangan Arkitek
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tkt.11, Menara Tun Ismail Mohamad Ali
No.25, Jalan Raja Laut
50582 Kuala Lumpur

E-mel : urusetiapap@jkr.gov.my
Tel : 03-2616 5016/03-2616 5082

7. Tarikh Kuat Kuasa

- 7.1 Peraturan ini adalah berkuatkuasa mulai **15 Januari 2020** dan surat rujukan **S/K.KEW/PK/MOF/D/29 JLD4 SK5 (25)** bertarikh **16 Disember 2016** adalah terbatal.